



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

Yayasan Usaha Maju (YUM) adalah sebuah agensi mikro kredit di bawah Kementerian Kewangan Negeri Sabah mempelawa warganegara Malaysia yang berasal dari Negeri Sabah bagi mengisi kekosongan jawatan yang berikut:

1. BUTIR-BUTIR JAWATAN

- | | |
|--------------------------------------------------|---------------------------------|
| 1.1 Nama Jawatan | : Penyelia Pinjaman |
| 1.2 Klasifikasi Perkhidmatan | : Pentadbiran Dan Sokongan |
| 1.3 Kumpulan Perkhidmatan | : Pelaksana |
| 1.4 Taraf Jawatan | : Tetap |
| 1.5 Bilangan Kekosongan | : Satu (1) |
| 1.6 Tempat Kekosongan | : Cawangan Pitas – 1 Kekosongan |
| 1.7 Jadual Gaji Gred N19
(Minimum – Maksimum) | : RM1,231.00 – RM3,580.00 |

2. SYARAT-SYARAT LANTIKAN

- 2.1 Berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak melebihi 30 tahun daripada tarikh iklan ditutup.
- 2.2 Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang setaraf dengannya.
- 2.3 Lulus mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Matematik di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setaraf dengannya.
- 2.4 Boleh memandu serta mempunyai lesen memandu kenderaan atau motorsikal yang sah.
- 2.5 Sanggup ditugaskan di mana-mana bahagian Yayasan Usaha Maju sepertimana yang diarahkan oleh Yayasan.

3. BIDANG TUGAS UTAMA PENYELIA PINJAMAN

- 3.1 Menjalankan pemasaran aktiviti pinjaman YUM untuk mempercepatkan pertumbuhan perniagaan;
- 3.2 Melaksanakan proses penilaian kredit mikro terhadap pelanggan;
- 3.3 Mendidik pelanggan tentang Polisi dan Prosedur Pinjaman YUM;
- 3.4 Menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan YUM dengan efektif dan efisien.

4. CARA MEMOHON

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan Kerja YUM yang boleh dimuat turun melalui Laman Web Rasmi Yayasan Usaha Maju dengan menyertakan Salinan sijil-sijil berkaitan yang telah disahkan.
- 4.2 Sijil-sijil asal (Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan pemohon, Sijil-sijil akademik dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan yang disyaratkan dalam iklan) hanya dibawa apabila pemohon berjaya dipanggil untuk ditemuduga kelak.
- 4.3 Permohonan yang diterima daripada calon-calon yang TIDAK memiliki kelayakan yang disyaratkan di atas tidak akan dilayan.
- 4.4 Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk Temuduga. Pemohon-pemohon yang tidak mendapat sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- 4.5 Borang permohonan yang **lengkap diisi** berserta Salinan Sijil yang disahkan hendaklah dihantar ke;

Yayasan Usaha Maju (YUM)

Unit Sumber Manusia

Ibu Pejabat YUM,
Aras 1, Wisma Pertanian Sabah,
Jalan Tasik, (Off Jalan Maktab Gaya), Luyang,
88670 Kota Kinabalu Sabah

Tel: 088 235141 - Pengurus Sumber Manusia: Cik Noor Yaneh binti Mohd Lair
088 235141 - Pegawai Perjawatan: Puan Salumie Kundahal

5.1 TARIKH TUTUP PERMOHONAN

- 5.1 Tarikh tutup permohonan ialah pada **25 Oktober 2024** (Jumaat) sebelum jam 5.00 petang.